



LZNK
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

**SOALAN LAZIM (FAQs)
PERMOHONAN ZAKAT GURU AGAMA SECARA ATAS
TALIAN TAHUN 2023**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Agihan Zakat Guru Agama?

JAWAPAN:

Agihan Zakat Guru Agama merupakan agihan secara sekaligus (*one off*) yang diberikan kepada guru agama subjek Diniah mengikut syarat-syarat tertentu.

2. Bilakah tarikh mula dan tutup permohonan Agihan Zakat Guru Agama?

JAWAPAN:

Dibuka pada **20 Januari 2023** dan ditutup pada **20 Februari 2023**.

3. Apakah syarat-syarat untuk memohon Agihan Zakat Guru Agama?

JAWAPAN:

- i. **Warganegara Malaysia**, beragama **Islam** dan berumur **17 tahun** dan keatas.
- ii. Lahir di Negeri Kedah/ Menetap di Negeri Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun.
- iii. **Mengajar** dalam negeri Kedah sahaja.
- iv. **Berpendapatan kasar** (gaji pokok beserta elaun) tidak melebihi **RM2,000** sebulan.
- v. Masa mengajar **tidak kurang dari tempoh 1 jam**.
- vi. Jumlah pelajar sekurang-kurangnya **10 orang**.
- vii. Kelas pengajian mestilah **tidak kurang 12 kali** setahun.
- viii. LZNK berhak menolak permohonan sekiranya permohonan tidak diisi dengan lengkap dan jelas.

4. Bilakah pembayaran Agihan Zakat Guru Agama akan diberikan ?

JAWAPAN:

Pembayaran Agihan Zakat Guru Agama akan dikreditkan ke dalam akaun bank pemohon pada bulan Ramadhan 1444 H.


5. Bagaimana kaedah permohonan Agihan Zakat Guru Agama?

JAWAPAN :

Agihan Zakat Guru Agama adalah sepenuhnya secara atas talian melalui pautan berikut ; <https://agihan.zakatkedah.com.my>

Atau (www.zakatkedah.com.my)

Klik Menu : APLIKASI ATAS TALIAN >> AGIHAN ZAKAT GURU AGAMA >> PEMOHON BARU



6. Berapakah jumlah Agihan Zakat yang diberikan kepada setiap pemohon ?

JAWAPAN:

RM 500 kepada setiap permohonan yang diluluskan.

7. Apakah dokumen yang perlu di muat naik bersama permohonan?

JAWAPAN ;

Dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut ;

- a) Salinan Kad Pengenalan Pemohon (kad pengenalan baru sahaja)
- b) Salinan Slip gaji
- c) [Borang pengesahan pekerjaan dan perakuan pendapatan](#) (bagi yang tiada slip gaji)
- d) Salinan akaun bank (selain ASB dan Tabung Haji)

8. Adakah semua dokumen yang disertakan perlu dibuat pengesahan terlebih dahulu?

JAWAPAN:

Tidak perlu, hanya kepada pemohon yang tiada slip gaji sahaja.

Wajib mengisi borang pengesahan pekerjaan dan pengakuan pendapatan dan mendapatkan pengesahan daripada penolong amil di kariah masing-masing sahaja.

9. Kepada siapa saya perlu buat pengesahan borang pengesahan pendapatan sekiranya penolong amil / Imam di kariah saya tiada?

JAWAPAN:

Boleh, pemohon hendaklah mendapatkan pengesahan melalui Penolong Amil / Imam dari kariah yang berdekatan.

10. Bolehkah saya mengisi permohonan ini tanpa alamat email?

JAWAPAN:

Tidak boleh, **email diwajibkan** semasa mengisi permohonan untuk pihak LZNK memberi maklumbalas berkenaan status permohonan. (***Pemohon digalakkan menggunakan gmail untuk permohonan ini***)

11. Adakah semua jenis akaun bank diterima LZNK ?

JAWAPAN:

Semua jenis akaun simpanan diterima **kecuali Tabung Haji (TH), Amanah Saham Bumiputra (ASB).**

12. Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan dan pembayaran Agihan Zakat Guru Agama yang telah dihantar?

JAWAPAN:

Semua proses yang dilakukan akan dimaklumkan melalui **email** dan **portal agihan zakat Guru Agama**. Pastikan pemohon memasukkan alamat email yang tepat untuk mengelak sebarang kesulitan.

13. Bagaimanakah cara untuk saya berhubung dengan LZNK bagi mendapatkan keterangan lanjut?

JAWAPAN :

- a) Untuk keterangan lanjut boleh berhubung melalui No Telefon Rasmi Divisyen Agihan Lembaga Zakat Negeri Kedah (04-7331740/ 019-5962155)
- b) Talian bebas tol : 1-800-88-1740
- c) Email rasmi Divisyen Agihan LZNK : agihanzakat@gmail.com

Tempat	Nombor Telefon
Ibu Pejabat	019-4181740
Kota Setar	04-7318005 / 019-5739155
Kubang Pasu	04-9171561 / 019-4967255
Kuala Muda	04-4411881 / 019-4122155
Kulim	04-4900873 / 019-5732155
Baling	04-4702428 / 013-4529155
Sik	04-4695895 / 019-4104255
Padang Terap	04-7866239 / 019-5172155
Pendang	04-7594515 / 019-4123155
Yan	04-4683482 / 019-4804155
Pokok Sena	04-7821513 / 019-518 6155
Bandar Baharu	04-4079670 / 019-4738255
Langkawi	04-9660179 / 019-4753155

14. Saya mengajar subjek akademik (selain subjek Pendidikan Islam) di Sekolah Agama, bolehkah saya mohon agihan Zakat Guru Agama?

JAWAPAN:

Tidak boleh, Agihan Zakat Guru Agama diberikan kepada guru yang mengajar **subjek Diniyah sahaja**.

15. Saya membantu ibu/ayah saya mengajar Al-Quran di rumah, adakah saya layak untuk memohon agihan zakat guru agama?

JAWAPAN:

Boleh, sekiranya anda memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada soalan nombor 3.

16. Saya berstatus bukan warganegara Malaysia yang bermastautin dan mengajar di negeri Kedah, bolehkah saya mohon?

JAWAPAN:

Tidak boleh, permohonan hanya dibuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

17. Saya tiada akaun bank, bolehkah saya menggunakan akaun bank pasangan atau anak sebagai dokumen sokongan?

JAWAPAN:

Tidak boleh. Sekiranya pemohon tiada akaun bank, pembayaran agihan zakat guru agama akan dibuat secara Baucar E-Dana.

18. Saya merupakan penerima agihan zakat kewangan bulanan LZNK. Adakah saya layak memohon agihan zakat guru agama?

Tidak layak, kerana agihan ini hanya diberikan kepada selain daripada penerima bantuan kewangan bulanan LZNK.

PEMOHON HENDAKLAH MEMASTIKAN SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH JELAS DAN TEPAT. SEBARANG KEKELIRUAN DAN PEMALSUAN MAKLUMAT PERMOHONAN AKAN DITOLAK SERTA MERTA.

-TAMAT-